



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

*MINISTRY OF HIGHER EDUCATION*

Unit Komunikasi Korporat

Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6,

Presint 5, 62200 Putrajaya

MALAYSIA

Tel: 03 88706711

Faks: 03 88706859

---

Ruj. Kami : KPT.100-1/9/2 ( )  
Tarikh : 31 Mei 2017

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**GARIS PANDUAN PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG YAB PERDANA MENTERI, YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai penyelarasan dan pengendalian program turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-Anggota Pentadbiran.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Garis Panduan Program Lawatan Turun Padang YAB Perdana menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-Anggota Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2017, untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan / Puan jua.

4. Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama semua pihak di Kementerian, Jabatan dan Agensi mengguna pakai Garis Panduan ini dalam semua program turun padang yang melibatkan YAB Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-Anggota Pentadbiran. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada :


Ketua Pengarah  
Unit Penyelaras Pelaksanaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Perdana Putra  
62502 PUTRAJAYA  
**[U.P: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelarasan Projek Khas)]**  
**No. Telefon: 03-8872 3962/3978**

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah



**(ALICE SURIATI BINTI MAZLAN)**  
Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Tinggi



**KERAJAAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG  
YAB PERDANA MENTERI, YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DAN ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN**

---


**BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

**UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**30 APRIL 2017**





## KERAJAAN MALAYSIA

### **GARIS PANDUAN PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG YAB PERDANA MENTERI, YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN**

---

**BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

#### **Tujuan**

1. Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kementerian/agensi di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak-pihak yang terlibat dalam penyelarasan dan pengendalian program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran.

#### **Latar Belakang**

2. Program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran adalah bertujuan untuk bertemu dan bersama-sama dengan rakyat termasuk melawat mangsa-mangsa bencana bagi memahami situasi sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi.
3. Garis Panduan Program Lawatan Turun Padang ini disediakan dengan memberi keutamaan kepada rakyat setempat untuk mendekati, berinteraksi dan beramah mesra dengan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran. Penyediaan Garis Panduan ini turut mengambil kira saranan Jemaah Menteri supaya program turun padang diadakan secara ringkas dan sederhana tanpa amalan protokol dan sambutan yang berlebihan.

## Takrifan

4. Lawatan turun padang adalah majlis rasmi di mana sumber peruntukannya dari Kerajaan dan terdapat kelonggaran dari segi protokol seperti mana berikut:
  - (a) lawatan *walkabout* pembangunan (lawatan ke tapak projek-projek mega dan berkepentingan nasional);
  - (b) lawatan *solution walkabout* (lawatan ke lokasi/projek bagi tujuan penyelesaian isu-isu rakyat);
  - (c) lawatan mangsa bencana (banjir, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya); dan
  - (d) lawatan/majlis pemimpin bersama rakyat bertujuan mendekati, menangani dan menyelami isu-isu serta pemasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

## Struktur dan Aliran Pengurusan Program

5. Sesuatu struktur dan aliran pengurusan persediaan program adalah bergantung kepada skala serta tujuan sesuatu program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran diadakan. Semakin besar skala sesuatu program lawatan, maka semakin kompleks struktur dan aliran pengurusan program tersebut. Contoh struktur dan aliran pengurusan bagi menyelaraskan dengan berkesan persediaan program lawatan turun padang adalah seperti di **Lampiran I**.

## Pelaksanaan

6. **Pengurusan Program/Lawatan**
  - (a) Peranan Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk:
    - (i) mengumpulkan maklumat terperinci mengenai atur cara keseluruhan program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran;
    - (ii) mewujudkan jawatankuasa penyelarasan antara kementerian/agensi berkaitan; dan

- (iii) memberi khidmat nasihat dan melaksanakan keputusan pengurusan tertinggi Kerajaan dalam pelaksanaan program lawatan.
- (b) Antara perkara-perkara asas yang perlu diperincikan oleh Penganjur dalam menentukan pengisian program lawatan turun padang adalah seperti berikut:
  - (i) pemilihan pengacara;
  - (ii) pembaca doa;
  - (iii) penyediaan teks ucapan tetamu kehormat; dan
  - (iv) penyampaian sumbangan kepada mangsa bencana (jika berkaitan) dan lain-lain.
- (c) Penganjur adalah disarankan untuk menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama-sama badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta secara kolaboratif bagi memastikan kejayaan program lawatan turun padang yang lebih komprehensif.

**7. Pengurusan Peruntukan**

- (a) Pengurusan peruntukan kewangan adalah terletak di bawah tanggungjawab Penganjur; dan
- (b) kadar harga bagi program/lawatan/jamuan/tempat/peralatan/kelengkapan dan sebagainya adalah tertakluk kepada peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

**8. Pengurusan Jemputan dan Penglibatan Pegawai Kerajaan/Pemimpin Tempatan**

- (a) Penglibatan orang awam dan masyarakat tempatan wajar diberi keutamaan berdasarkan tujuan sebenar program lawatan turun padang;
- (b) dari segi penglibatan pegawai Kerajaan, pihak pengurusan tertinggi kementerian/agensi wajar meminimumkan bilangan petugas-petugas dan pegawai-pegawai yang perlu menghadiri program lawatan turun padang sama ada di peringkat kementerian/agensi, negeri dan daerah;

- (c) semasa program lawatan berlangsung, para petugas dan pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah memberi peluang kepada YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat; dan
- (d) Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kemajuan Negeri (SDO) perlu menentukan pemimpin-pemimpin tempatan yang perlu hadir ke program lawatan turun padang yang melibatkan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran.

**9. Pengurusan Protokol dan Sambutan**

- (a) Penganjur perlu memastikan segala urusan sambutan ketibaan dan kepulangan tetamu kehormat dilaksanakan secara sederhana dan teratur;
- (b) sambutan ketibaan dan kepulangan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran dengan karpet merah, bunga manggar, penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat serta elemen protokol yang mengekang peluang rakyat untuk berinteraksi dengan tetamu kehormat adalah wajar dielakkan; dan
- (c) susunan tempat duduk perlu mengikut susunan kekananan yang terkini. Seboleh-bolehnya jumlah tetamu kehormat dihadkan dan bilangan ganjil adalah lebih baik. Adalah digalakkan supaya bilangan tempat duduk tetamu kehormat di atas pentas dihadkan tidak melebihi 3 orang dalam sesuatu program lawatan turun padang.

**10. Pengurusan Tempat dan Logistik**

- (a) Penganjur adalah digalakkan supaya menggunakan kemudahan serta prasarana sedia ada seperti dewan serbaguna, dewan sekolah, padang awam, pusat latihan dan lain-lain lokasi yang tidak memerlukan kos sewaan serta menyebabkan implikasi kos kepada Kerajaan;
- (b) laluan pergerakan tetamu kehormat sepanjang program berlangsung perlu dikenal pasti sekiranya program lawatan melibatkan beberapa lokasi yang berbeza;



- (c) bagi urusan jamuan makan minum, adalah digalakkan supaya tempat makan dan minum YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran tidak dilabelkan;
- (d) konsep hidangan makanan secara *buffet*, kenduri rakyat secara santai dan tidak formal adalah digalakkan mengikut kesesuaian;
- (e) kedudukan tetamu kehormat perlu dikenal pasti, walau bagaimanapun kerusi atau meja tidak perlu dibezakan dengan tetamu-tetamu lain;
- (f) semasa jamuan pihak Penganjur turut bertanggungjawab memastikan tempat duduk YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran diatitkan agar dapat beramah mesra dengan wakil dari kalangan masyarakat tempatan seperti mangsa-mangsa bencana, warga emas, ibu-ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) serta anak-anak yatim; dan
- (g) penggunaan peralatan pentas/teknikal/siaraya adalah disarankan supaya diselaraskan bersama Jabatan Penerangan.

#### 11. **Pengurusan Keselamatan dan Perubatan**

- (a) Langkah-langkah pemeriksaan keselamatan di pentas utama dan persekitaran lokasi program/lawatan perlu dilaksanakan sebelum program lawatan turun padang diadakan;
- (b) aliran lalu lintas perlu dipastikan selamat dan terkawal sepanjang program lawatan berlangsung; dan
- (c) pasukan keselamatan dan perubatan hendaklah ditempatkan di kawasan yang sesuai supaya mudah dihubungi sekiranya diperlukan semasa program lawatan.

#### 12. **Pengurusan Media, Publisiti dan Fotografi**

- (a) Bagi tujuan hebahan, Penganjur hendaklah memastikan hanya media yang berdaftar dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sahaja yang dijemput;
- (b) penggunaan *bunting* dan kain rentang bagi tujuan publisiti wajar diminimumkan;

- (c) pengurusan media meliputi jemputan, taklimat kepada petugas media, tempat sidang media dan *press kit*; dan
- (d) liputan media hendaklah dilaksanakan secara berkesan bagi menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap isu-isu kesejahteraan rakyat.

### **Keutamaan Pengurusan Program Lawatan Turun Padang Mangsa-Mangsa Bencana**

13. Bagi program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran ke lokasi-lokasi bencana khususnya ke pusat-pusat pemindahan mangsa banjir, jamuan makan minum tidak wajar diatitkan memandangkan tujuan lawatan untuk menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap penyelesaian masalah mangsa-mangsa bencana.
14. Penganjur turut bertanggungjawab memastikan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran tidak sentiasa dikelilingi oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan pemimpin-pemimpin politik terutamanya semasa YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran sepatutnya terlibat dengan aktiviti bersama rakyat setempat.
15. Pegawai-pegawai Kerajaan wajar membantu serta memberi peluang kepada masyarakat tempatan khususnya warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan warga belia mendekati dan beramah mesra dengan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran semasa program lawatan turun padang.
16. Penganjur juga perlu memastikan peluang diberikan kepada rakyat untuk bergambar bersama tetamu kehormat semasa program lawatan turun padang berlangsung.
17. Liputan media mengenai aktiviti turun padang untuk melawat mangsa-mangsa bencana oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran wajar merangkumi penyiaran gambar-gambar yang boleh mewujudkan suasana harmoni serta sesi beramah mesra antara para tetamu kehormat dan rakyat setempat.

### **Rujukan dan Senarai Semak**

18. Contoh senarai semak program lawatan turun padang YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota-anggota Pentadbiran adalah seperti di **Lampiran II**.
19. Rujukan agensi utama dalam pelaksanaan program lawatan turun padang adalah seperti di **Lampiran III**.
20. Rujukan pekeliling dan panduan pengurusan majlis adalah seperti di **Lampiran IV**.

### **Pemakaian**

21. Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **Tarikh Berkuat Kuasa**

22. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**




**(DATUK SERI AHMAD ZAKI ANSORE BIN MOHD YUSOF)**

Ketua Pengarah  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan  
Jabatan Perdana Menteri

**30** April 2017

**CONTOH STRUKTUR DAN ALIRAN PENGURUSAN PROGRAM**



**CONTOH SENARAI SEMAK PROGRAM**  
**LAWATAN TURUN PADANG YAB PM, YAB TPM, ANGGOTA-ANGGOTA**  
**PENTADBIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN (Status/Deadline)</b>
1.	Jemputan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tetamu Kehormat</li> <li>• Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri/Daerah</li> <li>• Kumpulan sasar/NGO dan lain-lain</li> </ul>	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN)/Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP)/ Unit Protokol Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	
2.	Pengurusan Program <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku program/atur cara</li> <li>• Pengacara majlis</li> <li>• Pembaca doa</li> </ul>	Unit Pentabiran SUK	
3.	Sambutan dan Protokol <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambutan tiba dan balik</li> <li>• Susunan tempat duduk</li> </ul>	Unit Protokol Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	
4.	Logistik <ul style="list-style-type: none"> <li>• Persediaan dan pemeriksaan keselamatan lokasi</li> <li>• Pemeriksaan keselamatan makanan</li> <li>• Pasukan perubatan</li> <li>• Jamuan</li> <li>• Peralatan siaraya dan teknikal</li> <li>• Pas masuk kenderaan</li> <li>• Pergerakan trafik dan parkir</li> </ul>	Jabatan Kerja Raya  Jabatan Penerangan  Polis Diraja Malaysia (PDRM)  RELA  Jabatan Kesihatan Negeri	
5.	Pengurusan Media <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jemputan</li> <li>• Taklimat</li> <li>• Tempat sidang media (sekiranya perlu)</li> <li>• Fotografi</li> </ul>	Jabatan Penerangan  Unit Komunikasi Korporat Kementerian/ Agensi	
6.	Publisiti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hebahan</li> <li>• Taklimat</li> </ul>	Jabatan Penerangan	

**RUJUKAN AGENSI UTAMA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM LAWATAN  
TURUN PADANG**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI</b>
1.	Penasihat program	Pejabat YAB Perdana Menteri / YAB Timbalan Perdana Menteri / YB Menteri
2.	Istiadat dan Protokol	Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, JPM
3.	Tatacara Perolehan dan Kewangan	Kementerian Kewangan
4.	Hal Ehwal Agama Islam	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
5.	Keselamatan dan Trafik	Polis Diraja Malaysia (PDRM) / Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
6.	Perubatan/Kecemasan/Pemeriksaan Keselamatan Makanan	Jabatan Kesihatan Negeri / Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, JPM
7.	Bangunan/Jalan Raya	Jabatan Kerja Raya Negeri
8.	Siaraya	Jabatan Penerangan
9.	Pengurusan Media dan Publisiti	Kementerian Komunikasi dan Multimedia / Unit Komunikasi Korporat, JPM
10.	Pengurusan Bencana	Agensi Pengurusan Bencana Negara, JPM

**PEKELILING DAN PANDUAN**

1. Panduan Pengurusan Majlis & Acara (Jabatan Perdana Menteri, 2014)
2. Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2015 Panduan Pelaksanaan Program Turun Padang Sektor Awam (MAMPU, JPM, 2015)

